

TARIKH	9 / 5 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	36	RUANGAN	setempat

Oleh Asmizan Mohd Samiran  
asmizan@mediaprima.com.my

**P**erbicaraan kes haji ekspres membabitkan dua kakitangan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) yang menghadapi pertuduhan mengubah suai kandungan pangkalan data sistem haji serta menerima rasuah untuk melangkaui giliran mengerjakan ibadat haji Februari tahun lalu, terpaksa diadakan di rumah seorang saksi pendakwaan kes berkenaan di Lorong Belakang Balai Polis, Pengkalan Kubor, dekat sini, semalam.

Rumah saksi itu, Sapinah Mamat, 62, yang juga bekas juara tilawah Al-Quran peringkat antarabangsa sekitar 1980-an dijadikan mahkamah sementara bagi membolehkan keterangan dia diambil berikutan dia tidak dapat hadir ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur dengan kebenaran doktor selepas tiga kali dipanggil berikutan menghidap penyakit saraf.

Hakim Mahkamah Sesyen Datuk Rozana Ali Yusof dan Timbalan Pendakwa Raya daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd Sophian Zakaria hadir ke rumah berkenaan kira-kira jam 10.20 pagi.

Terdahulu, kedua-dua tertuduh, iaitu juruanalisis

Tabung Haji, Afizul Md. Yasin, 35, dan Kerani Tabung Haji, Roslan Mohamed Som, 48, hadir bersama peguam masing-masing.

Afizul diwakili peguam Rusli Zin manakala Roslan diwakili peguam Imam Abu Sa'id Nahrawi.

Bagaimanapun, wartawan tidak dibenarkan mengikuti perbicaraan itu.

Rozana dilihat meninggalkan rumah berkenaan lebih sejam kemudian.

Afizul yang bertugas di Jabatan Teknologi Maklumat Tabung Haji menghadapi tiga tuduhan berasingan apabila didakwa membuat capaian ke pangkalan data Tabung Haji dan memasukkan rekod jemaah haji dengan menggunakan perisian khas tanpa kuasa dengan pengetahuan tahu perbuatan itu akan menyebabkan pengubahsuaian kandungan pangkalan data sistem haji Tabung Haji.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu di Lantai 13, Jabatan Teknologi Maklumat, Bangunan Ibu Pejabat Tabung Haji, Kuala Lumpur pada 10 Jun, 12 Julai dan 14 Julai 2010.

Bagi perbuatan itu dia didakwa mengikut Seksyen 5(1) Akta Jenayah Komputer 1997 dan boleh dihukum

mengikut Seksyen 5(4) akta sama yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM100,000 atau penjara maksimum tujuh tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Sementara itu, Roslan yang bertugas di Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Haji didakwa menerima rasuah RM6,750 daripada Shamsudin Ibrahim sebagai upah membantu menguruskan nama jemaah haji yang tidak layak menunaikan haji pada 2010 supaya dapat berbuat demikian pada tahun itu.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu di Jalan Raja Muda Musa, Kampung Baru, Kuala Lumpur antara jam 3.30 petang dan 4 petang pada 15 Julai 2010 mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda atau nilai suapan RM10,000, mana lebih tinggi.

Akhbar sebelum ini melaporkan, satu sindiket haji ekspres dikesan menawarkan orang ramai peluang melangkaui giliran bagi menunaikan ibadat haji sejak 2009.

# Harian METRO

TARIKH	9 / 5 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	30	RUANGAN	Setempat




## Bicara di rumah

■ Saksi kes haji ekspres tak dapat hadir ke mahkamah akibat uzur



# Harian METRO

TARIKH	9 / 5 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	36	RUANGAN	Sekempas



**DUA tertuduh menghadiri prosiding di kediaman Sapinah.**